



ZALIHA beramah mesra dengan peniaga Pasar Dato' Keramat pada Rabu.

Pasar Dato' Keramat ikut model Pasar Raja Bot

BANGUN SEMULA SECARA BERFASA

AZLAN ZAMBRY

KERAJAAN akan memuktamadkan cadangan pembangunan semula Pasar Dato' Keramat untuk kemudahan peniaga dan orang ramai selepas beberapa kali membatalkan keputusan tersebut.

Menegaskan perkara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata, pihaknya serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan membuat keputusan akhir bagi merealisasikan.

"Kita tidak mahu lagi isu cadang dan batal dalam projek ini, jadi apa yang kita akan buat adalah satu keputusan yang terakhir dan *we are going for it*. Kita akan pastikan pelaksanaannya direalisasikan.

"Sebab saya lihat tadi di lapangan, isu yang paling ketara adalah bangunan itu sendiri sudah usang dan melebihi 50 tahun dan itu memberikan kesan terhadap isu keselamatan dan pernah berlaku beberapa kali kebakaran sebelum ini,"

katanya kepada Wilayahku selepas mengadakan lawatan dan bertemu dengan peniaga Pasar Dato' Keramat pada Rabu.

Jelas Zaliha, pihaknya mengambil keputusan untuk membangunkan Pasar Dato' Keramat secara berfasa meskipun cadangan terdahulu adalah untuk pembangunan yang komprehensif melibatkan keseluruhan kawasan termasuklah Program Perumahan Rakyat (PPR) di sekitar kawasan tersebut.

"Kita tumpukan dahulu pembangunan kompleks pasar sahaja dan saya nampak itu boleh dilaksanakan pada kadar yang lebih cepat.

"Bagaimanapun untuk melaksanakan itu, ada beberapa cadangan dan kita akan memuktamadkan dilaksanakan mengikut model Pasar Raja Bot, Kampung Baru secara berfasa.

"Maknanya, kita bangunkan dahulu satu kawasan yang dikenal pasti untuk menempatkan

sebahagian peniaga kemudian, setelah siap, kita akan bina pula fasa lain dan seterusnya semua peniaga ditempatkan," katanya.

Tambahnya, DBKL akan melaksanakan bancian peniaga dan sesi libat urus dengan pemegang taruh yang akan dimulakan dalam tempoh dua minggu sebelum proses selanjutnya.

"Saya telah pun mendapat taklimat berkenaan status terkini Pasar Dato' Keramat ini, kita akan melihat tanah-tanah yang berpotensi dan akan berbincang dengan pemegang taruh dan pemilik tanah, sekiranya ia melibatkan tanah milik DBKL, saya rasa ia tidak ada masalah.

"Perkara yang perlu diambil perhatian adalah soal infrastruktur kerana apabila orang ramai berkunjung ke pasar, masalah parkir perlu diatasi bagi memberikan keselesaan. Jadi yang itu juga akan dimasukkan bersekali dalam pelan pembangunan Pasar Dato' Keramat," katanya. 